

16/04/2001

UIAM: Dr M realisasikan keputusan kongres Makkah

Karim Sulaiman

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di kampus Gombak, Selangor, esok. Perasmian itu, walaupun terlewat 18 tahun selepas penubuhannya pada Mei 1983, cukup bersejarah kerana Malaysia berjaya menubuhkan sebuah universiti Islam yang dikagumi dan disegani di seluruh dunia.

Dr Mahathir pasti menjadi orang paling gembira kerana usahanya untuk menggerakkan penubuhan sebuah universiti Islam antarabangsa tercapai dengan jayanya.

Masyarakat dunia, khususnya Malaysia bangga dengan UIAM yang menjadi lambang kesungguhan dan tekad politik pemimpin negara ini bagi memperjuangkan dasar dan falsafah Islam melalui sebuah institusi pengajian tinggi Islam bertaraf dunia.

Walaupun dunia mengakui pembabitan secara langsung Dr Mahathir dalam penubuhan UIAM, ada pihak masih meraguinya. Masih ada golongan yang tidak mahu mengakui hakikat itu dengan mendakwa orang lain sepatutnya diberi penghormatan dalam pembentukan UIAM.

Mereka yang tidak puas hati dan enggan mengakui hakikat itu, membuat pelbagai kenyataan mengelirukan dengan menidakkan fakta dan sejarah penubuhan UIAM.

Bagaimanapun, beberapa perintis penubuhan UIAM, termasuk Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Ismail Ibrahim; Tan Sri Murad Mohamed Noor; Rektor UIAM, Prof Mohd Kamal Hassan dan bekas Timbalan Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia), Datuk Ariffin Suhaimi, sependapat bahawa tanpa tekad politik dan komitmen Dr Mahathir, UIAM tidak akan menjadi kenyataan.

Mereka melihat Dr Mahathir memberikan komitmen penuh sejak dari awal idea penubuhan UIAM hingga sekarang.

"Saya gembira akhirnya UIAM akan dibuka secara rasmi oleh orang yang berhak, iaitu Dr Mahathir," kata Murad, yang ketika penubuhan UIAM adalah Ketua Pengarah Pendidikan.

Katanya, Perdana Menteri lah yang menggerakkan penubuhan sebuah universiti Islam antarabangsa di Malaysia yang kemudian dikenali UIAM.

Seorang lagi yang terbabit dengan penubuhan UIAM ialah Ariffin, yang turut dilantik Ketua Penyelaras Projek UIAM pada 1982.

"Dr Mahathir memberikan sumbangan besar kepada penubuhan UIAM. Ketika itu, semua perkara berkaitan penubuhan universiti itu dirujuk kepada Tan Sri Sulaiman Daud (ketika itu Menteri Pelajaran) dan kemudian membawanya ke pengetahuan Dr Mahathir.

"Semua perkara berkaitan penubuhan UIAM dirujuk kepada Perdana Menteri, bukan orang lain," katanya.

Ariffin berkata, sebagai penyelaras projek penubuhan UIAM, beliau dan kumpulan bertindaknya, antara lain terbabit dalam pembangunan fizikal, kurikulum, perlembangan, penyediaan kakitangan dan pengambilan pelajar.

Katanya, walaupun UIAM ditubuhkan pada 1983, sejarah penubuhannya lebih awal iaitu melalui resolusi satu kongres mengenai falsafah pendidikan Islam di Makkah.

Kertas dasar dan falsafah itu disediakan oleh Prof Syed Naquib Al-Attas yang ketika itu bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr Mahathir sebagai Menteri Pelajaran ketika itu, hadir di kongres berkenaan.

"Pada kongres itu, Dr Mahathir hadir sebagai wakil Malaysia. Jika beliau mengambil mudah dan tidak komited terhadap keputusan kongres itu, mungkin

kita tidak mempunyai universiti Islam antarabangsa di Malaysia sekarang.

"Dr Mahathir yang menjadikan resolusi daripada kongres itu sebagai kenyataan dengan penubuhan UIAM yang kita lihat hari ini," katanya.

Dr Ismail, ketika menjelaskan lebih lanjut perkara itu, berkata idea penubuhan UIAM lebih lama daripada pembentukannya pada 1983, iaitu sekitar 1977 di kongres antarabangsa di Makkah anjuran Universiti Raja Abdul Aziz.

"Kongres itu membicarakan mengenai tema pendidikan Islam yang merangkumi perbincangan mengenai konsep dan falsafah, tenaga pengajar, buku teks dan persoalan lain, yang mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan konsep dan falsafah pendidikan Islam," katanya yang berkhidmat di Fakulti Islam UKM ketika terbabit dalam penubuhan UIAM.

Resolusi kongres di Makkah itu mula direalisasikan dalam rangka penubuhan sebuah universiti Islam antarabangsa di Malaysia, bermula pada 1981 dan 1982 serta penerimaan pelajar pertamanya pada 1983.

"Dr Mahathir (ketika itu Menteri Pendidikan) menghadiri kongres berkenaan dan memberikan komitmen sepenuhnya kepada penubuhan gedung ilmu yang unik ini," katanya.

Pada kongres 1977 itu, banyak aspek dibincangkan, terutama konsep dan falsafah pendidikan Islam yang masih samar di kalangan masyarakat Islam akibat terlalu lama menerima sistem pendidikan Barat.

Perkara lain yang diperjelaskan ialah pembahagian ilmu pengetahuan kepada dua bahagian, iaitu ilmu wahyu yang bersumberkan al-Quran dan sunnah serta ilmu yang diperoleh manusia melalui akal fikiran.

Kedua-dua bidang ilmu pengetahuan itu perlu disepadukan dalam satu kurikulum pengajian untuk melahirkan manusia yang menguasai bidang ilmu naqli, iaitu ilmu wahyu daripada Allah dan bidang ilmu aqli, yang dikuasai manusia melalui penggunaan akal fikirannya.

Dr Ismail berkata, kesepaduan itu adalah ciri utama pendidikan bagi melahirkan manusia yang menguasai kedua-dua bidang ilmu dunia dan akhirat.

Konsep dan falsafah pendidikan dan ilmu mengikut Islam amat mudah dibicarakan di atas kertas dan pentas syarahan tetapi, untuk melaksanakannya, banyak perkara perlu diwujudkan, termasuk komitmen politik dari negara Islam sendiri.

Katanya, projek mendirikan sebuah institusi pengajian tinggi yang mendukung konsep dan falsafah pendidikan Islam memerlukan kebijaksanaan pendukungnya, kewangan yang banyak dan penghasilan buku teks sesuai.

"Lebih daripada itu ialah kefahaman jelas mengenai mekanisme institusi berkenaan dalam mencapai matlamatnya. Oleh itu, pada pandangan saya, beberapa institusi yang ditubuhkan untuk mendukung cita-cita ini berakhir dengan kegagalan atau menghadapi beberapa kerumitan dari segi kewangan dan pengajarnya.

"Dengan itu matlamat dan tujuan asal penubuhannya melencong daripada matlamat dan sistem pendidikan yang dirangka oleh kongres berkenaan.

"Bagaimanapun, dalam menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dari semasa ke semasa, UIAM tabah menghadapinya. Hari ini, kita lihat hanya UIAM, satu-satunya universiti yang dapat menjadikan konsep dan falsafah ilmu dan pendidikan Islam itu sebagai kenyataan," katanya.

(END)